

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5  
TAHUN 2023**

---

**PENDIDIKAN ISLAM  
KERTAS 1  
(1223/1)**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

Peraturan pemarkahan ini mengandung 10 halaman bercetak.



1	(a)	(i)	<p>Maksud perkataan bergaris:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- لَتَعَارَفُوا = Saling berkenalan.</li> <li>- اتَّقِكُمْ = Orang yang paling bertaqwa.</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Sebab turun ayat 13 surah <i>al-Hujurat</i> ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rasulullah SAW meminta Bilal bin Rabah melaungkan azan ketika pembukaan Kota Mekah.</li> <li>- Terdapat sahabat yang memandang rendah kepada Bilal lalu Rasulullah SAW memanggil dan bertanya tentang tindakan mereka.</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Kepentingan umat Islam dituntut untuk saling mengenali pelbagai bangsa dan kaum ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dapat menjalin perpaduan dan perhubungan/1m ke arah yang lebih harmoni./1m</li> <li>- Dapat mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia/1m tanpa mengira rupa paras dan etnik./1m</li> <li>- Dapat menjalin hubungan yang baik dengan orang bukan Islam/1m selagi mereka tidak memusuhi Islam./1m</li> <li>- Dapat menggalakkan interaksi / kerjasama/1m yang akan melengkapi antara satu sama lain./1m</li> </ul> <p>Catatan: Jawapan munasabah diterima.</p>	1 isi x 2m = 2m  1 isi = 1m 1 h = 1m
		(iv)	<p><b>Dua</b> pengajaran daripada ayat di atas ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah saling bekerjasama/1m untuk membina sebuah kehidupan yang lebih harmoni./1m</li> <li>- Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya/1m supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat./1m</li> <li>- Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak/1m supaya menjadi insan yang lebih bertakwa./1m</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  1 isi=1m 1 h =1m
	(b)	(i)	<p>Maksud berdikari ialah berusaha sendiri/1m dan tidak bergantung kepada bantuan orang lain./1m</p>	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Konsep berdikari ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT.</li> <li>- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri.</li> <li>- Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas.</li> <li>- Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara.</li> <li>- Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m




			<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p><b>Pekerja asing ramai sebab orang Malaysia malas?</b></p> <p>Prof Dr Mohd Nazari Ismail Mei 10, 2019 07:14 MYT</p> </div> <p>(iii) Kemukakan pendapat anda berkaitan pernyataan di atas.</p> <p>Cadangan isi:</p> <p><u>Setuju:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sikap rakyat yang tidak suka dengan pekerjaan yang berat, kotor dan merbahaya.</li> <li>- Terlalu memilih pekerjaan.</li> </ul> <p><u>Tidak setuju:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tawaran gaji yang rendah berbanding kelulusan akademik.</li> <li>- Masih ramai rakyat Malaysia yang berdikari / mengguna potensi diri secara maksimum / optimum.</li> <li>- Rakyat Malaysia perlukan gaji tinggi demi menyara ahli keluarga yang ramai.</li> </ul> <p>Contoh jawapan: Pada pendapat saya, sikap segelintir rakyat Malaysia yang terlampau memilih pekerjaan(I) demi menjaga status diri dan keluarga.(H) Kesannya, kekosongan jawatan tersebut diisi oleh warga asing.(HL) Oleh itu kita hendaklah mengubah pemikiran / minda yang negatif / kolot ini agar ekonomi Malaysia dapat dibangunkan dengan usaha rakyatnya sendiri.(K)</p>	<p>4 m</p> <p>I =1m H =1m HL=1m K =1m</p>
	(c)		<p><b>Dua</b> jenis qalqalah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Qalqalah Sughra.</li> <li>- Qalqalah Kubra.</li> <li>- Qalqalah Akbar.</li> </ul>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
2	(a)	(i)	<p>Al-Muntaqim bermaksud nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas/1m dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas./1m</p>	<p>1 isi x 2m = 2m</p>
		(ii)	<p><b>Dua</b> cara saya menanam rasa takut terhadap Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Saya akan memikirkan keagungan Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim.</li> <li>- Saya akan mengambil iktibar daripada kisah umat terdahulu yang ditimpakan azab.</li> <li>- Saya akan mendalami ilmu agama yang sebenar berpandukan al- Quran dan hadis.</li> <li>- Saya akan bergaul dengan orang yang soleh / alim ulama / orang yang berilmu.</li> </ul> <p>Catatan: Jawapan munasabah diterima.</p>	<p>2 isi x 2m = 4m</p>




		(iii)	<p>Mengapakah terdapat segelintir umat Islam masih melakukan perbuatan dosa dan maksiat sedangkan mengetahui Allah SWT bersifat al-Muntaqim.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak takut azab Allah SWT/ adanya pembalasan bagi setiap perbuatan.</li> <li>- Kurang ilmu agama.</li> <li>- Lemah iman / pegangan agama.</li> <li>- Merasa bangga.</li> </ul> <p>Contoh jawapan:</p> <p>Pada pendapat saya, terdapat umat Islam yang masih melakukan dosa dan maksiat disebabkan mereka merasa bangga apabila dapat mempamerkan perbuatan tersebut untuk tontonan umum(I) kerana menganggap ianya perkara hebat dan menjadi ikutan semasa,(H) contohnya dengan memuat naik video sedang bernesra lelaki dan perempuan tanpa ikatan yang sah.(HL) Oleh itu sebagai umat Islam, kita hendaklah menjauhi larangan Allah SWT kerana setiap perbuatan akan dihitung dan diberi pembalasan di akhirat kelak.(K)</p>	<p>4m</p> <p>I =1m H =1m HL=1m K =1m</p>
	(b)	(i)	<p>Takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al- Sunnah/1m menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in / dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak./1m</p> <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keratan pertama wajib ada, diikuti salah satu keratan yang lain.</li> </ul>	<p>1 isi x 2m = 2m</p>
		(ii)	<p><b>Dua</b> nama lain bagi golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ahlu al-Hadis.</li> <li>- Al-Salaf al-Soleh.</li> <li>- Al-Asya'irah.</li> <li>- Al-Maturidiah.</li> <li>- Al-Sawad al-A'zam.</li> </ul>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
		(iii)	<p>Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengenai kedudukan iman ialah:</p> <p>Ahli Sunnah Wal Jamaah mempercayai bahawa iman seseorang boleh bertambah dan berkurang/1m bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukannya./1m</p>	<p>1 isi x 2m = 2m</p>



			<p style="text-align: center;"><b>Semua ajaran Syiah di Malaysia adalah menyeleweng - JAKIM</b></p> <p style="text-align: center;">Bernama Disember 13, 2013 23:30 MYT</p> <div style="text-align: center;">  <p style="text-align: center;">JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)</p> </div>	<p style="text-align: center;">4m</p> <p style="text-align: center;">I =1m H =1m HL=1m K =1m</p>
		(iv)	<p>Cadangkan langkah untuk menangani ajaran di atas daripada terus menular dalam kalangan masyarakat Islam.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.</li> <li>- Masyarakat melaporkan kepada pihak berwajib.</li> <li>- Mengadakan kempen kesedaran.</li> <li>- Menghantar orang-orang yang terlibat dengan ajaran Syiah ke pusat pemulihan akidah.</li> <li>- Mengenakan hukuman yang lebih berat.</li> </ul> <p>Contoh jawapan:</p> <p>Pada pendapat saya, pihak berwajib perlu mengenakan hukuman yang lebih berat kepada penyebar ajaran Syiah,(I) contohnya dengan menambahkan jumlah hukuman sebatan dan tempoh hukuman penjara.(H) Hikmahnya masyarakat akan berhati-hati dan sentiasa menjaga diri daripada terpengaruh dengan ajaran ini.(HL) Oleh itu kita hendaklah mendalami ilmu agama daripada ulama yang diiktiraf keilmuannya agar akidah tetap terpelihara.(K)</p>	

3	(a)	(i)	<p>Maksud haji ialah mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji/1m untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya./1m</p>	<p>1 isi x 2m = 2m</p>
		(ii)	<p><b>Empat</b> rukun haji ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Niat mengerjakan haji.</li> <li>- Wukuf di Arafah.</li> <li>- Tawaf di Kaabah.</li> <li>- Sa'ie.</li> <li>- Bergunting atau bercukur rambut.</li> <li>- Tertib pada kebanyakan rukun.</li> </ul>	<p>4 isi x 1m = 4m</p>



	(iii)	<p><b>Dua</b> perbezaan haji dan umrah ialah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Aspek</th> <th>Haji</th> <th>Umrah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Waktu</td> <td>- Dikerjakan pada bulan haji sahaja. - Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah.</td> <td>Dikerjakan pada bila-bila masa sepanjang tahun.</td> </tr> <tr> <td>Rukun</td> <td>Wajib wukuf.</td> <td>Tiada wukuf.</td> </tr> <tr> <td>Perkara wajib</td> <td>- Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah. - Bermalam di Muzdalifah. - Bermalam di Mina.  - Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.</td> <td>- Tiada melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah. - Tiada bermalam di Muzdalifah. - Tiada bermalam di Mina.  - Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Catatan: Perbezaan perkara wajib hanya satu perbezaan sahaja diterima.</p>	Aspek	Haji	Umrah	Waktu	- Dikerjakan pada bulan haji sahaja. - Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah.	Dikerjakan pada bila-bila masa sepanjang tahun.	Rukun	Wajib wukuf.	Tiada wukuf.	Perkara wajib	- Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah. - Bermalam di Muzdalifah. - Bermalam di Mina.  - Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.	- Tiada melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah. - Tiada bermalam di Muzdalifah. - Tiada bermalam di Mina.  - Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.	2 isi x 2m = 4m
Aspek	Haji	Umrah													
Waktu	- Dikerjakan pada bulan haji sahaja. - Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah.	Dikerjakan pada bila-bila masa sepanjang tahun.													
Rukun	Wajib wukuf.	Tiada wukuf.													
Perkara wajib	- Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah. - Bermalam di Muzdalifah. - Bermalam di Mina.  - Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.	- Tiada melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah. - Tiada bermalam di Muzdalifah. - Tiada bermalam di Mina.  - Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.													
(b)	(i)	Maksud fasakh ialah pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim/1m dengan sebab-sebab tertentu./1m	1 isi x 2m = 2m												
	(ii)	<p>Situasi hukum talak yang berikut ialah:</p> <p>a) Wajib: Apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah.</p> <p>b) Haram: Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid / ketika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak.</p>	2 isi x 2m = 4m												
	(iii)	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;">  <p><b>Soalan</b></p> <p>Apakah hukumnya saya memohon perceraian sebab suami tidak solat. Dan saya nak failkan perceraian atas sebab tersebut.</p> </div> <p>Berdasarkan persoalan di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan isu perceraian dalam rumahtangga di Malaysia.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Solat merupakan tunjang utama pembentukan rumahtangga harmoni / bahagia.</li> <li>- Allah SWT akan menjaga rumahtangga orang yang menjaga hubungan dengan-Nya.</li> <li>- Solat penyelesaian masalah manusia / jalan keluar setiap masalah.</li> <li>- Tidak melaksanakan tuntutan syariat Islam boleh menjadi sebab isteri memohon fasakh.</li> </ul>	4m  I =1m H =1m HL=1m K =1m												



			<p>Contoh jawapan:</p> <p>Hujah saya ialah, rumahtangga akan musnah jika pasangan mengabaikan solat(I) kerana solat dapat mencegah seseorang daripada melakukan perkara keji / dosa.(H) Contohnya suami yang solat dengan sempurna terutamanya solat berjemaah tidak akan memukul isterinya sebaliknya akan sentiasa menjaga keharmonian rumahtangga / hubungan kekeluargaan.(HL) Kesimpulannya kita hendaklah berusaha menambah ilmu berkaitan perkahwinan / munakahat supaya kerukunan rumahtangga terpelihara.(K)</p> <p>Catatan: Jawapan positif atau negatif boleh diterima.</p>	
4	(a)	(i)	<p>Pengasas Kerajaan Abbasiyyah ialah Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Saffah.</p>	<p>1 isi x 1m = 1m</p>
		(ii)	<p><b>Tiga</b> sumbangan khalifah Harun al-Rasyid dalam membangunkan Kerajaan Abbasiyyah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memperkemas sistem percukaian Islam / berpandukan Kitab al-Kharaj.</li> <li>- Mewujudkan jawatan Ketua Hakim Negara / <i>Qadi al-Qudat</i>.</li> <li>- Membina Baitul Hikmah / perpustakaan agung.</li> <li>- Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan dan kebudayaan.</li> <li>- Membina kemudahan awam / seperti farmasi dan pusat pengajian.</li> <li>- Menubuhkan majlis <i>al-Munazarah</i> / sebagai pusat penyelidikan ilmu agama.</li> </ul> <p>Catatan: Jawapan ini sahaja diterima.</p>	<p>3 isi x 1m = 3m</p>
		(iii)	<p>Peranan Baitul Hikmah pada zaman Kerajaan Abbasiyyah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perpustakaan yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing/1m seperti bahasa Yunani / Parsi / Cina / India ke dalam Bahasa Arab</li> </ul>	<p>1 isi x 2m = 2m</p>
		(iv)	<p><b>Dua</b> faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyyah dari aspek politik ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Campur tangan pegawai berbangsa Parsi dan Turki/1m dalam pemerintahan./1m</li> <li>- Perebutan kuasa antara khalifah seperti al-Muntasir dan al-Muktaz/1m menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah./1m</li> <li>- Perpecahan beberapa wilayah/1m sehingga memberi peluang kepada pembentukan kerajaan kecil seperti Saljuk dan Buwaih./1m</li> </ul>	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>1 isi = 1m 1 h = 1m</p>



	(b)	<p>(i) Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama sebenar : Ahmad bin Muhammad Ibrahim.</li> <li>- Tarikh lahir : 15 Mei 1916.</li> <li>- Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999.</li> <li>- Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor.</li> <li>- Pekerjaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pensyarah Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).</li> <li>- Hakim Mahkamah Rayuan / Mahkamah Syariah.</li> </ul> </li> <li>- Ketinggian akhlak: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Suka menyebarkan ilmu.</li> <li>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.</li> </ul> </li> <li>- Tahap pendidikan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Victoria Bridge School.</li> <li>- Raffles Institution.</li> <li>- Raffles College.</li> <li>- University of Cambridge.</li> </ul> </li> </ul> <p>Catatan:</p> <p>Pekerjaan, ketinggian akhlak dan tahap pendidikan hanya satu jawapan sahaja diterima.</p>	2 isi x 1m = 2m
		<p>(ii) <b>Dua</b> sumbangannya ialah:</p> <p>a) Bidang Perundangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anggota Panel Pengasas Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.</li> <li>- Pengasas dan penggubal Enakman Undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991.</li> </ul> <p>b) Hasil karya tokoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Buku Undang-undang keluarga Islam di Malaysia / Family Law in Malaysia.</li> <li>- Pelopor Jurnal Hukum.</li> <li>- Sistem Undang-undang Malaysia.</li> <li>- Islamic Law in Malaysia.</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
		<p>(iii) <b>Dua</b> iktibar yang dapat diambil daripada ketokohan peribadinya ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu/1m sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu./1m</li> <li>- Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah/1m agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar./1m</li> <li>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki/1m agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara./1m</li> <li>- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti/1m supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara./1m</li> <li>- Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara /1m supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa./1m</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  1 isi= 1m 1h = 1m



5	(a)	(i)	<p><b>Dua</b> aspek wasatiah selain kesederhanaan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseimbangan.</li> <li>- Keadilan.</li> <li>- Kecemerlangan.</li> </ul> <p>Catatan: Kesederhanaan tidak diterima.</p>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
		(ii)	<p><b>Dua</b> kelebihan melaksanakan prinsip wasatiah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syiar Islam dapat ditegakkan/1m dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni./1m</li> <li>- Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan/1m kerana adanya kestabilan politik./1m</li> <li>- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana /1m kerana tidak berlaku pembaziran./1m</li> <li>- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan/1m mengikut keperluan negara./1m</li> <li>- Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan/1m dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan./1m</li> </ul> <p>Catatan: Jawapan munasabah diterima.</p>	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>1 isi=1m 1 h =1m</p>
		(iii)	<p>Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya pelajar tidak mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengabaian tanggungjawab terhadap Allah SWT.</li> <li>- Melakukan tugas secara sambil lewa.</li> <li>- Sering melanggar arahan dan peraturan yang ditetapkan.</li> </ul> <p>Contoh jawapan:</p> <p>Pada pendapat saya, pelajar akan mudah mengalami masalah kemurungan(I) apabila gagal menguruskan emosi diri ketika menghadapi kegagalan dalam akademik.(H) Hal ini disebabkan mereka hanya memikirkan kejayaan akademik tanpa mendekati diri kepada Allah SWT.(HL) Oleh itu, kita hendaklah menghayati cara hidup Islam agar mendapat rahmat daripada Allah SWT.(K)</p>	<p>4 m</p> <p>I =1m H =1m HL=1m K =1m</p>



	(b)	(i)	Maksud alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p><b>Dua</b> aktiviti amalan hijau yang boleh dilaksanakan untuk menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membuang sampah ditempat yang tertutup / ditempat yang disediakan/1m supaya mudah diselenggara./1m</li> <li>- Mengutip sampah yang bersepah di kawasan laluan perjalanan/1m agar dapat mengekalkan persekitaran yang bersih./1m</li> <li>- Mengurangkan penggunaan plastik/1m agar alam tidak tercemar./1m</li> <li>- Bersifat belas ihsan / sayang terhadap binatang/1m agar ekosistem terpelihara./1m</li> <li>- Berbakti kepada tanah dengan menanam pokok /1m demi mengekalkan kehijauan alam./1m</li> <li>- Sentiasa mengamalkan amalan kitar semula/1m seperti program 3R / menguruskan sisa pepejal dengan baik./1m</li> </ul> <p>Catatan: Jawapan munasabah diterima.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membawa beg plastik sendiri/1m ketika membeli barang keperluan</li> <li>- Menggunakan pengangkutan awam....</li> <li>- Menyertai aktiviti keceriaan taman flora dan fauna....</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  1 isi= 1m 1 h = 1m
		(iii)	<p><b>Dua</b> hikmah adab menjaga alam sekitar ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar/1m kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan./1m</li> <li>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa/1m kerana melihat keindahan alam./1m</li> <li>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit/1m kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar./1m</li> <li>- Melestarikan alam sekitar yang indah/1m untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang./1m</li> <li>- Meningkatkan pendapatan/1m kerana dapat melaksanakan aktiviti eko-pelancongan./1m</li> </ul> <p>Catatan : Jawapan munasabah diterima.</p>	2 isi x 2m = 4m  1 isi= 1m 1 h = 1m

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT